

## Tindakan tegas jika berkomploit dalam bidaan projek kerajaan

**BUTTERWORTH** - Syarikat kontraktor yang disyaki berkomploit dalam bidaan projek kerajaan perlu dikenakan tindakan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, tindakan itu adalah satu kesalahan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia

(MyCC) perlu mengambil tindakan sewajarnya jika mereka berkomploit mendapatkan tender projek kerajaan:

"Jika ada kes sedemikian harap boleh dilaporkan bukan sahaja kepada kerajaan tapi juga kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana ini adalah satu kesalahan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya memaklumkan,

perkara itu kini dalam perhatian pihaknya dan akan menyiasat kontraktor yang terlibat.

Sebuah akhbar tempatan semalam mendedahkan sekurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit, kini dalam siasatan MyCCC kerana syarikat yang memenangi tender itu disyaki berkomploit dalam bidaan.

